

Bekalan air makin meruncing



IKAN yang mati terdampar di tebing Sungai Kedamaian di Kampung Kaung Ulu, Kota Belud akibat banjir lumpur.

Oleh Ardyhansah Amat
ardyhansah@hmetro.com.my
Kota Belud

■ Banjir lumpur disebabkan gempa bumi jejas kehidupan penduduk

Masalah pencemaran air di Sungai Kedamaian dekat sini, disebabkan gempa bumi dan banjir menyebabkan penduduk berdepan masalah gangguan bekalan air yang tidak menentu sejak Jun lalu.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan merangkap Ahli Parlimen Kota Belud Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, masalah bekalan air di daerah ini bukan perkara baru, sebaliknya semakin meruncing selepas ke-

jadian gempa bumi di Gunung Kinabalu.

"Keadaan itu menyebabkan berlaku banjir lumpur di sekitar daerah ini seterusnya pencemaran di Sungai Kedamaian yang menjadi punca utama bekalan air."

"Berikutan itu, bekalan air di daerah Kota Belud kini 100 peratus bergantung kepada Sungai Wariu yang tidak dapat menampung bekalan untuk semua penduduk."

"Walaupun projek pemasangan paip agihan siap dilaksanakan bagi menyalurkan air ke sekitar Kota Belud, ia tidak dapat dilakukan me-

mandangkan tiada air bersih untuk disalurkan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, bekalan air sekarang diperolehi dari pam bawah tanah dan Loji Air Pandasan.

"Sehingga kini, sebanyak 10 bekalan air bawah tanah beroperasi di Kota Belud yang mampu membekalkan sebanyak 12 juta liter air sehari,

namun ia masih tidak mampu menampung bekalan untuk penduduk Kota Belud yang penggunaannya kini mencecah hampir 36 juta liter sehari," katanya.

Menurutnya, satu mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah diadakan kelmarin bagi merangka pelan tindakan bagi mengatasi masalah bekalan air di daerah itu.

FAKTA
Penggunaan air penduduk Kota Belud, kini mencecah hampir 36 juta liter sehari

"Kementerian sedang berusaha membina loji baru melalui punca air Sungai Wariu bagi menggantikan loji lama berikutan dua loji utama sebelum ini tidak dapat berfungsi akibat pencemaran di Sungai Kedamaian selepas kejadian gempa bumi dan banjir lumpur."

"Selain itu, sebuah helikopter akan digunakan bagi membolehkan tinjauan udara dilakukan pihak berkaitan bagi mengesan saliran air baru untuk disalurkan kepada penduduk," katanya.

Katanya, proses pengagihan air kepada penduduk te-

tap akan diteruskan sebagai langkah sementara mengurangkan masalah yang mereka hadapi.

"Saya sudah mengarahkan Jabatan Air Kota Belud membeli 10 pam bawah tanah baru bagi meningkatkan kuantiti bekalan air sementara menunggu pembinaan loji baru. Tempahan sudah dibuat dan dijangka tiba dalam tempoh tiga bulan."

"Melalui cara ini, kita dapat meningkatkan bekalan air untuk disalurkan kepada kawasan yang terjejas teruk," katanya.